

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada **kontraktor-kontraktor** bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan CIDB, Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (Pusat Khidmat Kontraktor-PKK) dan memegang Perakuan Pendaftaran Sijil Perolehan Kerajaan (SPKK) yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk tender berikut:-

T1/24/A11/JPPF/08 : **CADANGAN PINDAAN DAN TAMBAHAN BAGI SEBUAH BANGUNAN D33 MAKMAL PENGAJARAN PUSAT PENGAJIAN SAINS KAJIHAYAT DAN MAKMAL PENGAJARAN PUSAT PENGAJIAN SAINS KIMIA UNTUK DIJADIKAN PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH PERNIAGAAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 3401, MUKIM 43, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.**

Kelayakan : i) Gred : **G5**
ii) Kategori : **B**
iii) Pengkhususan : **B04 (Kerja-Kerja Pembinaan Bangunan)**

Tarikh & Tempat Taklimat : **16 April 2024 (Selasa), Jam 10.00 Pagi.**
Bilik Mesyuarat Jabatan Pembangunan & Pengurusan Fasilitas, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Syarat Taklimat & Lawatan Tapak : i) Petender **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat dan lawatan tapak. Dokumen hanya dijual kepada petender yang telah menghadiri taklimat dan lawatan tapak sahaja.
ii) Ianya **perlu dihadiri oleh penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).**
iii) Syarikat **tidak boleh mewakilkan pegawai lain** selain daripada penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan.

Tarikh Tutup Tender : **7 Mei 2024 (Selasa), Jam 12.00 Tengah hari**

Tarikh Dokumen Dijual : **16 April 2024 hingga 29 April 2024.**

Harga Dokumen : **RM100.00 (Senaskah)** dalam bentuk *softcopy* boleh dibayar melalui akses kepada laman web e-payment (<https://epayment.usm.my/>) dengan klik kepada **perkhidmatan jualan borang tender**

Syarat Pembayaran Dokumen & Permohonan Dokumen Softcopy : Dokumen Tender (*softcopy*) boleh didapati melalui **permohonan emel** kepada **perolehan_tender@usm.my** dengan wajib mengemukakan salinan secara atas talian dokumen dan butiran seperti berikut:
i) Telah menghadiri sesi taklimat & lawatan tapak.
ii) Resit / Bukti Pembayaran melalui sistem e-payment yang telah dibuat. **(Sebarang tuntutan semula bagi pembelian dokumen tidak akan dikembalikan).**

- iii) Sijil CIDB dan Sijil Perakuan Pendaftaran Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).
- iv) Salinan Sijil Pendaftaran Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (Pusat Khidmat Kontraktor–PKK).
- v) Petender akan menerima dokumen *softcopy* melalui emel.
- vi) Sebarang tuntutan semula bagi pembelian dokumen tidak akan dikembalikan.

Syarat Penghantaran Dokumen

- : i) Penghantaran Dokumen Tawaran Tender dalam bentuk ***hardcopy*** yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor, Nama Tender dan dimasukkan sendiri ke dalam peti tawaran di **Seksyen Perolehan, Jabatan Bendahari, Bangunan C04, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang.**
- ii) Petender dibenarkan untuk menghantar dokumen tawaran tender melalui pos berdaftar/kurier. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba dan dimasukkan ke dalam peti tender pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Petender yang tidak mendapat sebarang maklum balas atau jawapan selepas empat (4) bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

*** Pihak Universiti berhak menerima kesemua atau sebahagian dari tawaran tender tersebut dan tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau mana-mana tender.**